

15/08/2000

UiTM tingkatkan program ijazah kedoktoran

Seri Intan Othman

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) giat menjalankan program kursus ijazah kedoktoran, PhDnya dengan menambah pelbagai kursus baru yang dimulakan sejak tahun lalu.

Program ijazah itu dilaksanakan selaras dengan peningkatan taraf kepada universiti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 26 Ogos tahun lalu di Stadium Malawati, Shah Alam.

Matlamat utamanya ialah bagi melahirkan lebih ramai golongan terpelajar Bumiputera yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tinggi tetapi juga profesional dan pakar dalam bidang yang diceburinya.

Naib Canselor UiTM, Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin dalam satu temubual dengan Berita Harian di pejabatnya di Shah Alam, berkata ramai pihak tidak mengetahui bahawa universiti itu sudah sekian lama menjalankan pelbagai program kursus PhDnya.

"Ketika ini bagi program PhD, lebih 200 pelajar ketika ini sedang menyiapkan ijazah mereka dan dijangka memperolehinya akhir tahun ini," katanya.

Orang ramai, katanya seperti terkejut bila diberitahu mengenai perkara itu kerana mereka seolah-olah mempertikaikan kemampuan UiTM sebagai universiti termuda di negara ini melaksanakan program itu.

Menurutnya, orang ramai seolah-olahnya hanya yakin dengan kemampuan universiti lain di negara ini sedangkan UiTM juga tidak pernah ketinggalan dalam meningkatkan mutu pendidikan negara ini.

"Apatah lagi UiTM adalah universiti termuda di negara ini walaupun pada hakikatnya kita sudah sekian lama bertapak dan menjadi tunggak utama negara dalam melahirkan Bumiputera yang profesional dalam pelbagai bidang," katanya.

Antara kursus baru yang ditawarkan di peringkat PhD bermula tahun lalu ialah Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal, Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, serta Pengurusan Perniagaan.

Selain itu, katanya UiTM juga menawarkan ijazah PhD berdasarkan kajian yang dijalankan dalam sesuatu bidang manakala tahun lalu ia menawarkan kursus ijazah PhD dalam bidang Specialism of The Built Environment.

Beliau berkata, semua kursus berkenaan adalah menerusi Program Pembelajaran Fleksibel UiTM yang mana lima kursus peringkat ijazah sarjana turut ditawarkan.

"Ini termasuk di bidang Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal, Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif dan Perakaunan," katanya.

Menurutnya, adalah menjadi matlamat utama UiTM untuk meningkatkan tahap pendidikan di kalangan Bumiputera di negara ini yang sejak penubuhannya bermula dengan Dewan Latihan Rida 1956 lagi dan bertukar kepada Maktab Mara pada 1965 dan Institut Teknologi Mara (ITM) pada 1967 sehingga bertukar kepada UiTM tahun lalu.

Dengan peningkatan taraf itu, katanya UiTM turut menawarkan pelbagai kursus baru di peringkat ijazah sarjana muda termasuk Kejuruteraan Kimia, Pelajaran Muzik, TESL, Fotografi dan Imej Kreatif, Komunikasi Massa (Kewartawan, Perhubungan Awam, Penerbitan, Pengiklanan dan Penyiaran).

Selain itu, katanya UiTM sudah sekian lama menjalankan kursus Pembelajaran Jarak Jauh (PJJ)nya dalam pelbagai bidang akademik bagi peringkat diploma dan ijazah sarjana muda serta ijazah sarjana.

"Ini termasuk Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat, Sarjana Muda Kewangan, Diploma Pengajian Peniagaan, Diploma Pentadbiran Awam, Diploma

Perakaunan," katanya.

Kecemerlangan UiTM di bidang pendidikan negara membolehkannya dianugerahkan Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam ISO 9002 pada 1996, iaitu pusat pengajian tinggi pertama yang berjaya memperolehnya.

Selain itu, UiTM juga dikurniakan Anugerah Tun Razak kerana kejayaannya mengubah taraf hidup Bumiputera negara ini dengan melahirkan ramai siswazah dan usahawan.

"Ini selaras dengan misi kami untuk menjadi universiti yang cemerlang, dalam menghasilkan golongan profesional dan berpendidikan tinggi yang amat diperlukan dalam pembangunan sosio-ekonomi negara," katanya.

Falsafah UiTM juga, katanya ialah percaya setiap individu itu mempunyai bakat, minat dan sikap yang boleh dibimbing dan dilatih menerusi program pemindahan teknologi apa juga bidang di dunia ini.

"Dalam masa yang sama memulihara nilai Islam dalam membangunkan negara dan rakyatnya selaras dengan objektif mendidik Bumiputera menjadi golongan profesional, berwibawa, berdikari, berpengetahuan tinggi dan mempunyai moral yang tinggi dalam mengendalikan dunia perniagaan, perdagangan, sains dan teknologi," katanya.

Beliau berkata, bagi tempoh jangka masa panjang, UiTM berusaha gigih untuk melahirkan lebih ramai pakar di bidang teknologi maklumat yang amat diperlukan dalam menyahut cabaran dan perubahan drastik peringkat global ketika ini.

(END)